

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan punca kelewatan siap Klinik Kesihatan di Benut, Pontian dan langkah untuk mengatasinya. Bilakah Hospital Pontian akan dibina baru atau dibesarkan dan nyatakan kos yang terlibat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan Benut telah diluluskan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) dengan kos sebanyak RM30.043 juta. Projek ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan oleh Agensi Pelaksana projek, Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya Malaysia (CKK,JKR) pada 4 Disember 2013 kepada Syarikat Imej Mulia Sdn Bhd selaku kontraktor utama projek dengan tarikh siap asal pada 27 Ogos 2016.

Namun disebabkan oleh ketidakupayaan kontraktor utama yang dilantik untuk menyiapkan projek mengikut tarikh siap yang telah ditetapkan, pihak JKR telah mengeluarkan surat penamatan kontraktor pada 27 Mac 2018. Ini setelah kontraktor utama diberi peluang untuk menyiapkan projek melalui *Extension of Time* (EOT) dan dikenakan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) iaitu Ganti Rugi Berdenda sebanyak RM1.77 juta. JKR kini dalam proses tender semula baki projek 7% yang belum siap dengan pelantikan kontraktor penyiap. Tender telah diiklankan pada 5 November 2018 dan ditutup pada 3 Disember 2018. Ia

NO SOALAN : 35

kini dalam proses penilaian Lembaga Tender JKR. Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada akhir bulan Mac 2019.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) prihatin untuk memperbesarkan Hospital Pontian, di mana pelbagai kerja naik taraf telah pun dilaksanakan antaranya menaik taraf sistem keselamatan, menaik taraf papan tanda, menaik taraf sistem PABX (telefon), kerja-kerja mengecat pagar, naik taraf wad pediatrik, penggantian bumbung dan pendawaian semula dan lain-lain kerja berkaitan. Adalah dimaklumkan cadangan pembangunan semula wad-wad pesakit di Hospital Pontian pernah dimohon dalam *Rolling Plan* (dengan izin) Ke-2 yang lalu namun tidak diluluskan. Susulan itu, KKM akan memohon semula cadangan ini dalam *Rolling Plan* yang akan datang.

Sekian, terima kasih.